



**KENYATAAN**  
**REQUEST FOR PROPOSAL**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi kewangan dalam pelaksanaan projek seperti berikut :-

**CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**  
**DI ATAS LOT 62899 PN 7375**  
**MUKIM BANDAR AMANJAYA, DAERAH KUALA MUDA**  
**KEDAH DARUL AMAN**  
**NO. RFP : 01/2026 (PER)**

Pihak-pihak yang berminat boleh mendapatkan borang menerusi laman sesawang rasmi Majlis Perbandaran Sungai Petani di <https://pbt.kedah.gov.my/> atau di alamat yang berikut:

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani  
08000 Sungai Petani  
Kedah Darul Aman

u/p: Seksyen Perolehan, Jabatan Kewangan  
No. Tel : 04-429 6666/6754 No. Fax: 04-4296655  
Email: [perolehan@mpspk.gov.my](mailto:perolehan@mpspk.gov.my)

Tarikh Tutup Permohonan

Kertas kerja cadangan pembangunan berkenaan hendaklah diserahkan sebelum atau pada **4 Jun 2026 (Khamis)** jam **12.00** Tengahari

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"**  
**"THE GREATER KEDAH"**  
**"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sungai Petani  
Kedah Darul Aman.

*tu*

Experience  
**KEDAH**



## **REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

**CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK MILIK  
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
DI ATAS LOT 62899 PN 7375  
MUKIM BANDAR AMANJAYA, DAERAH KUALA MUDA,  
KEDAH DARUL AMAN**

**NO. RFP : 01/2026 (PER)**

**URUS SETIA  
SEKSYEN PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN  
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**

**☎ 04-429 6666/6754**

**✉ [perolehan@mpspk.gov.my](mailto:perolehan@mpspk.gov.my)**

**SENARAI SEMAKAN  
(TAWARAN SEWAAN / PAJAKAN / JUALAN)**

Sila tandakan  / bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka RFP
1.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran dan Carian Maklumat Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Dalam Tempoh 6 Bulan Sebelum Tarikh Tutup Iklan Sebut Harga.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Jadual Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk Nilai Tawaran Dan Tempoh Sewaan / Pajakan) Dan Ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang RFP Telah Diisi Dengan Lengkap Dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Profil Syarikat Lengkap (Seperti yang diperlukan di Para 3.1)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Cadang Pembangunan Merangkumi Pelan Susunatur, Pelan Perspektif Dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga Tahun Terakhir (2023, 2024 & 2025)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Salinan Akaun Syarikat Terkini Yang Telah Disahkan Dan Diaudit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13	Salinan Sijil Pendaftaran Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14	Salinan Resit Pendaftaran Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan / Firma Perunding Kerajaan Negeri Kedah – Rujuk Laman Sesawang iDAFTAR Negeri Kedah <a href="https://idaftar.kedah.gov.my/">https://idaftar.kedah.gov.my/</a>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

15	Lain-lain Sekiranya Ada :  Nyatakan : .....	<input style="width: 50px; height: 30px; border: 1px solid black;" type="text"/>	<input style="width: 50px; height: 30px; border: 1px solid black;" type="text"/>
<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen RFP. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>		<p><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka RFP mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	

## 1.0 PENGENALAN

Majlis Perbandaran Sungai Petani berhasrat untuk membangunkan tanah milik Majlis dengan penyertaan dan penglibatan sektor swasta. Sehubungan dengan itu, tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi kewangan bagi memajukan satu (1) lot tanah milik Majlis di atas Lot 62899, PN 7375, Mukim Bandar Amanjaya, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman.

## 2.0 MAKLUMAT TAPAK

2.1 Maklumat Tapak yang akan disewakan adalah seperti berikut:

No. Lot	Lot 62899.
No. Hak Milik	PN 7375.
Bandar/Pekan/Mukim	Bandar Amanjaya.
Daerah	Daerah Kuala Muda.
Negeri	Kedah Darul Aman.
Luas Lot	3,911 Meter Persegi.
Kategori Penggunaan Tanah	Bangunan.
Pegangan	Pajakan selama 60 tahun berakhir pada 14 Jun 2080.
Syarat Nyata	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan bagi maksud yang dibenarkan semata-mata iaitu bangunan (perniagaan) Sahaja.

2.2 Lokasi tanah adalah terletak kira-kira 6 kilometer dari Pusat Bandar Sungai Petani dan lot tanah tersebut boleh dihubungi melalui Jalan Utama Lencongan Timur dan Lebuhraya Utara Selatan.

2.3 Secara umumnya, pembangunan kawasan sekitar lot subjek yang terdapat di sepanjang Jalan Utama Sungai Petani Lencongan Timur ialah bangunan- bangunan berkonsepkan perindustrian, perniagaan dan bangunan kerajaan seperti Amanjaya Mall, Honda Lee Motors, Hospital Sultan Abdul Halim, Kompleks Mahkamah Sungai Petani, Kawasan Perusahaan Sungai Lalang dan kawasan perumahan Bandar Amanjaya.

2.4 Lot subjek adalah lot kosong yang terletak di lapisan pertama Persiaran Amanjaya 5 dengan keluasan tanah 2,342 meter persegi.

2.5 Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2035 (Pengantian), lot subjek terletak di dalam zon komersial.

*Pelan Lokasi, Pelan Tapak & Gambar Hartanah adalah seperti di Lampiran A*

### 3.0 MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN

Syarikat pembida perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai cadangan pembangunan dan pengurusan tapak Lot 62899, PN 7375, Mukim Bandar Amanjaya, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman. Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

#### 3.1 MAKLUMAT UMUM

Maklumat mengenai latar belakang syarikat yang merangkumi aspek berikut:-

- 3.1.1 Nama Syarikat
- 3.1.2 No. Pendaftaran Syarikat
- 3.1.3 Tarikh Penubuhan Syarikat
- 3.1.4 Jenis Perniagaan Utama
- 3.1.5 Alamat Syarikat (ibu Pejabat dan Cawangan)
- 3.1.6 No. telefon, No. Faks, dan Alamat Email Syarikat
- 3.1.7 Modal Berbayar Syarikat
- 3.1.8 Jenis dan Butiran Pemilik Syarikat
- 3.1.9 Senarai Ahli Lembaga Pengarah
- 3.1.10 Maklumat mengenai Pengurusan Atasan
- 3.1.11 Bilangan Pekerja
- 3.1.12 Carian SSM yang tidak kurang dari 6 bulan dari tarikh iklan.

Syarikat Pembida perlu mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan (MOF) di bawah kod bidang berkaitan cadangan yang akan dikemukakan.

#### 3.2 KONSEP PEMBANGUNAN

Cadangan yang dikemukakan hendaklah berbentuk komersial yang mempunyai reka bentuk moden serta bersesuaian dengan Pembangunan di sekitar lot subjek. Permohonan perlu disertakan dengan maklumat komponen pembangunan berbentuk **pelan susunatur, pelan perspektif berserta ilustrasi gambar cadangan pembangunan**. Syarikat pembida juga perlu menyatakan dengan jelas *material* yang digunakan dalam pembinaan kelak.

Kos Pembangunan projek perlulah dinyatakan secara terperinci dalam bentuk Preliminary Detailed Abstract (PDA).

#### 3.3 KEUPAYAAN KEWANGAN SYARIKAT

Syarikat pembida mestilah mempunyai kewangan yang kukuh untuk membiayai, membangunkan dan menguruskan projek yang dicadangkan. Kelayakan syarikat pembida yang akan melaksanakan projek ini amat dititiberatkan oleh Majlis.

Syarikat pembida perlu membekalkan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tiga (3) tahun terkini (2023, 2024 dan 2025) dan penyata bank tiga (3) bulan terkini dilampirkan bersama kertas cadangan.

### 3.4 KEBOLEHLAKSANAAN PROJEK

#### 3.4.1 Pelaksanaan Projek

Kertas cadangan perlu dikemukakan bersama cadangan pelan pembangunan dan pengurusan berserta *timeline* projek.

#### 3.4.2 Keupayaan Kewangan Projek

Syarikat pembida perlu membiayai keseluruhan kos Pembangunan dan pengurusan tersebut. Oleh itu, Syarikat pembida perlu menyatakan secara terperinci anggaran modal dan kos yang akan terlibat bagi pembangunan dan pengurusan Lot 62899, PN 7375, Mukim Bandar Amanjaya, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman.

Selain itu, Syarikat pembida juga perlu memperincikan jangkaan aliran tunai keluar masuk bagi tempoh cadangan pembangunan dan pengoperasian yang merangkumi hasil yang diterima serta kos operasi yang terlibat secara realistik dan munasabah dalam tempoh kontrak bersama MPSPK.

#### 3.4.3 Pematuhan Perundangan

Penyertaan dalam proses Request for Proposal (RFP) ini tidak mewajibkan pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pada peringkat pengemukaan cadangan.

Walau bagaimanapun, sekiranya cadangan tersebut diluluskan dan melibatkan pelaksanaan kerja pembinaan, semua kerja hendaklah dilaksanakan oleh kontraktor yang berdaftar dengan CIDB serta mematuhi sepenuhnya segala peruntukan undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Selain itu, pihak pembida hendaklah memastikan semua kelulusan berkaitan daripada pihak berkuasa yang berkaitan diperoleh terlebih dahulu sebelum sebarang kerja dimulakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan perancangan, pelan bangunan, kejuruteraan, teknikal serta keperluan agensi teknikal yang berkaitan.

Segala kos berkaitan pematuhan kepada kehendak undang-undang, peraturan dan syarat-syarat pihak berkuasa hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pembida tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada pihak Majlis.

Pihak Majlis berhak menetapkan sebarang syarat tambahan dari semasa ke semasa sekiranya difikirkan perlu bagi memastikan pelaksanaan cadangan adalah selaras dengan dasar, peraturan dan kepentingan Majlis.

### 3.5 KONSEP PEMBANGUNAN

#### 3.5.1 Sewaan / Nilai Sewaan

Tempoh sewaan yang dicadangkan oleh pihak Majlis adalah selama **tiga (3) tahun**.

Nilai rizab sewaan bagi tawaran untuk Pembangunan Lot 62899 PN 7375, Mukim Bandar Amanjaya, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman ialah **RM5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja)** sebulan bagi keseluruhan kawasan tanah tersebut.

*(Nilai sewaan ini adalah tertakluk kepada kajian semula oleh pihak Majlis pada setiap kali pertimbangan lanjutan tempoh perjanjian sewaan.)*

Pihak syarikat adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan kadar sewaan yang bersesuaian serta tempoh lanjutan sewaan yang dipohon sekiranya berbeza daripada tempoh yang dicadangkan oleh pihak Majlis.

#### 3.5.2 Pajakan / Nilai Pajakan

Tempoh pajakan yang dicadangkan oleh pihak Majlis adalah selama **20 tahun**.

Nilai rizab pajakan ke atas tawaran untuk pembangunan Lot 62899 PN 7375, Mukim Bandar Amanjaya, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman ialah **RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Sahaja)** bagi tempoh **pajakan selama 20 tahun** bagi keseluruhan tanah.

*(Pihak Majlis akan memberi keutamaan pertimbangan kepada tawaran pajakan yang melebihi nilai rizab yang ditetapkan.)*

Sila nyatakan dalam kertas cadangan serta tempoh yang dipohon sekiranya pihak syarikat mempunyai cadangan nilai dan tempoh pajakan yang berbeza.

#### 3.5.3 Jualan Tanah

Nilai rizab harga jualan bagi Lot 62899 PN 7375, Mukim Bandar Amanjaya, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman adalah sebanyak **RM1,500,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Lima Ratus Ribu Sahaja)** bagi keseluruhan kawasan tanah tersebut.

Pihak syarikat adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran harga pembelian yang melebihi nilai rizab yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sebarang pertimbangan dan kelulusan bagi cadangan penjualan tanah ini adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Kedah.

Sila nyatakan dalam kertas cadangan sekiranya pihak syarikat ingin mencadangkan harga pembelian yang berbeza.

**3.6 JADUAL PELAKSANAAN YANG DICADANGKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

Bil.	Keterangan	Anggaran Tarikh /Tempoh
1.	Iklan Tawaran.	10 Mei 2026
2.	Lawatan Tapak.*	17 Mei 2026 hingga 21 Mei 2026
3.	Penyediaan Kertas Cadangan oleh Syarikat Pembida.	25 hari dari tarikh Iklan
4.	Tarikh akhir Syarikat mengemukakan dokumen lengkap kepada MPSPK.	4 Jun 2026
5.	Jawatankuasa Pembuka.	4 Jun 2026
6.	Pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa kecil Pembangunan Hartanah, Aset dan Pelaburan.	Jun 2026 / Julai 2026
7.	Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan.	Julai 2026 / Ogos 2026
8.	Lembaga Perolehan Negeri Kedah, Pejabat Kewangan SUK Negeri Kedah.	Julai 2026 / Ogos 2026
9.	Keputusan Lembaga Perolehan Negeri Kedah.	Julai 2026 / Ogos 2026
10.	Surat Niat / Surat Setuju Terima (SST)	September 2026
11.	Perjanjian Penyewaan / Pajakan.	September 2026

\*Pindaan tarikh adalah tertakluk mengikut ketetapan dan perubahan oleh pihak Majlis.

\* Bagi sesi lawatan tapak, pihak pembida adalah dimohon untuk hadir ke tapak terlebih dahulu bagi tujuan membuat penilaian dan ukuran tapak sebagai persediaan penyediaan pelan susun atur cadangan, tanpa melaksanakan sebarang kerja yang melibatkan penggunaan mesin berat di tapak berkenaan.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan sesi lawatan tapak boleh diajukan kepada Seksyen Pengurusan Aset Tak Alih, Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK) di talian **04-429 6666** sambungan **6704** atau **6846**.

#### 4.0 SYARAT-SYARAT DAN TERMA

- 4.1 Syarikat pembida adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 4.2 Kaedah penswastaaan yang akan dijalankan adalah dalam bentuk Bina-Operasi-Serah (Build-Operate-Transfer). Pihak Syarikat pembida dipertanggungjawabkan untuk membina, mengoperasi dan syarikat pembida perlu menyerahkan bangunan yang dibina kepada pihak Majlis selepas tempoh perjanjian sewaan / pajakan atau tamat tempoh (jika ada pelanjutan perjanjian).
- 4.3 Syarikat pembida juga perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan RFP. Pihak Majlis tidak akan menanggung apa-apa kos, ganti rugi atau pampasan daripada penyediaan RFP oleh syarikat.
- 4.4 Syarikat pembida yang berjaya kelak perlu membuat permohonan Kelulusan Pelan Pemajuan sehingga Pengeluaran CCC. Kos-kos permohonan ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat.
- 4.5 Pihak syarikat perlu memohon kelulusan Pelan Pemajuan dalam tempoh 2 bulan selepas penerimaan surat tawaran.
- 4.6 Pihak syarikat yang berjaya adalah dikehendaki mengemukakan deposit sebanyak 10% daripada nilai sewaan / pajakan dalam tempoh dua (2) bulan selepas penerimaan surat niat kelak.
- 4.7 Satu (1) *softcopy* dan tiga (3) salinan bercetak dokumen cadangan sewaan / pajakan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada jam **12.00 tengah hari** pada **4 Jun 2026 (Khamis)** dan perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani,  
08000 Sungai Petani,  
Kedah Darul Aman.

- 4.8 Cadangan yang diterima selepas jam **12.00 tengahari** pada **4 Jun 2026 (Khamis)** tidak akan diproses.
- 4.9 Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul

"CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI DI ATAS LOT 62899 PN 7375, MUKIM BANDAR AMANJAYA, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH DARUL AMAN."

NO. RFP : 01/2026 (PER)

PENGAKUAN

Saya \_\_\_\_\_  
Bagi pihak Syarikat \_\_\_\_\_  
dengan ini menawarkan untuk menyewa / memajak / membeli Tapak Milik Majlis Perbandaran Sungai Petani Bagi Tujuan Pembangunan di atas HSM 2641 PT 9853, Bandar Gurun, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan / pajakan / pembelian :  
Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_  
Sahaja ( RM \_\_\_\_\_ ).  
Dilampirkan Bersama-sama ini deraf bank bertarikh \_\_\_\_\_ dan bernombor \_\_\_\_\_ bernilai RM \_\_\_\_\_ sebagai bayaran Bidaan kepada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan / Pajakan / Pembelian dan menjelaskan bayaran sewaan / pajakan / pembelian dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan / Pajakan / Pembelian.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Perbandaran Sungai Petani untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

**Saksi**

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Tandatangan Saksi : .....

## SURAT AKUAN INTEGRITI

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....  
yang mewakili Syarikat ..... No. Pendaftaran Syarikat  
.....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang  
mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam  
Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih  
dalam *Request For Proposal* (RFP) seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa  
bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar  
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MPSPK atau mana-mana individu lain  
sebagai sogokan untuk dipilih dalam *Request For Proposal* (RFP) seperti di atas, maka saya sebagai  
wakil syarikat bersetuju tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi *Request For Proposal* (RFP) di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi *Request For Proposal* (RFP) di atas: dan
- 2.3 Tindakan-tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat  
kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana- mana  
individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam *Request For Proposal*  
(RFP) seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada  
pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar

( )

Cop Syarikat :

Catatan :

**JADUAL TAWARAN REQUEST FOR PROPOSAL**

**CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
 DI ATAS LOT 62899 PN 7375, MUKIM BANDAR AMANJAYA, DAERAH KUALA MUDA,  
 KEDAH DARUL AMAN.  
 NO. RFP : 01/2026 (PER)**

BIL	BUTIRAN	JUMLAH SEWAAN / PAJAKAN (RM)
1.	CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI DI ATAS LOT 62899, PN 7375, MUKIM BANDAR AMANJAYA, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH DARUL AMAN. (NO. RUJUKAN FAIL : MPSPK (N) HARTA 22/2020) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Butiran Pada Request For Proposal Untuk menyediakan Tawaran Harga</li> </ul>	
	Jumlah Sewaan Setahun	
	Jumlah Bayaran Pajakan Tanah	
	Tawaran Harga Pembelian Tanah	

Oleh yang demikian saya / kami bersetuju menandatangani tawaran ini seperti berikut :

.....

Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. Tel : .....

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. Tel : .....

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani sebut harga ini bagi pihak:

Alamat Penyebut Harga : .....

.....

.....

.....

Cop Rasmi Syarikat

**BORANG RFP**

**CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
DI ATAS LOT 62899 PN 7375, MUKIM BANDAR AMANJAYA, DAERAH KUALA MUDA,  
KEDAH DARUL AMAN.  
NO. RFP : 01/2026 (PER)**

Saya / Kami juga mengesahkan bahawa harga tawaran yang diberi dengan penuh kefahaman dan pengetahuan saya / kami ke atas isi kandungan dokumen mengikut spesifikasi dan skop kerja yang telah dibekalkan.

Jumlah amaun tawaran ialah jumlah wang pukal sebanyak (dengan perkataan)

Ringgit Malaysia : .....

.....

\* (RM .....)

Saya / Kami telah meneliti semasa membuat tawaran dan bersetuju bahawa sah laku harga tawaran di atas selama **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh tutup tawaran.

Oleh yang demikian saya / kami bersetuju menandatangani tawaran ini seperti yang berikut :

.....  
Tandatangan

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....  
No. K/P : .....  
No. Tel : .....  
Jawatan : .....

Nama Penuh : .....  
No. K/P : .....  
No. Tel : .....  
Jawatan : .....

yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani RFP ini dan bagi pihak :


Alamat Syarikat :

.....  
.....  
.....  
.....

.....  
Cop Rasmi Syarikat


**\*PENTING!**

Amaun di Borang RFP mestilah sama dengan amaun jumlah keseluruhan harga di  
Jadual Harga.



JAWANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA	TARIKH :	MASA :

**LAMPIRAN A**



## PELAN LOKASI

**LOT 62899, PN 7375, MUKIM BANDAR AMANJAYA,  
DAERAH KUALA MUDA, KEDAH DARUL AMAN.**



## PELAN TAPAK

LOT 62899, PN 7375, MUKIM BANDAR AMANJAYA,  
DAERAH KUALA MUDA, KEDAH DARUL AMAN.

**LAMPIRAN A**



## PANDANGAN HADAPAN HARTANAH

**LOT 62899, PN 7375, MUKIM BANDAR AMANJAYA,  
DAERAH KUALA MUDA, KEDAH DARUL AMAN.**